



ROMBONGAN UMS merakamkan gambar kenangan bersama Muhyiddin.

Cadangan presiden MPP UMS dapat perhatian TPM

UB 22.2.2014 AG

KOTA KINABALU: Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Tan Sri Muhyiddin Yassin menerima baik cadangan yang dikemukakan oleh Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di dalam kampus.

Beliau memuji idea yang dilontarkan oleh Presiden MPP UMS Fandyi Sanizan Jurup yang dilihat mampu meringankan beban para pelajar dengan kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa kini.

“Cadangan yang diberikan oleh saudara Fandyi itu sangat baik dan ia harus dipertimbangkan di peringkat kementerian,” katanya.

Ketika mengutarakan cadangan itu, Fandyi turut memberitahu bahawa pengwujudan KR1M penting



FANDYI

untuk menjaga kebajikan para mahasiswa agar tidak tertindas dengan kenaikan harga barang secara mendadak.

“Kenaikan harga barangan di pasaran mampu menindas golongan mahasiswa. Oleh itu, saya selaku wakil mahasiswa UMS memohon pihak kementerian agar dapat mempertimbangkan cadangan yang kami kemukakan,” katanya pada Majlis Ramah Mesra Timbalan Perdana

Menteri bersama Pemimpin Mahasiswa IPTA yang berlangsung di kediaman rasmi pemimpin nombor dua negara itu.

Fandyi hadir bersama rombongan UMS yang terdiri daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof Dr Shahril Yusof; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Prof Madya Datuk Hj Kasim Hj Md Mansur serta Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Mohd Raffie Hj Janau.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hj Yahya Hussin mewakili Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Hj Aman.

Majlis itu bertujuan meraikan MPP baharu universiti awam di seluruh negara serta pengurusan universiti yang banyak membantu dalam pembangunan sahsiah pelajar.